

# Bengkel Penulisan Skrip FKSW UMS beri pendedahan kepada pelajar

UB 29.5.2016 B3

KOTA MARUDU: Mahasiswa program Seni Kreatif, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Bengkel Penulisan Skrip di Sekolah Menengah Kebangsaan Tandek, di sini.

Bengkel itu mendapat sokongan dan tajaan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas). Bengkel bertujuan mendedahkan pelajar mengenai kaedah penghasilan skrip yang berkualiti.



**JELIUS** merasmikan Bengkel Penulisan Skrip di SMK Tandek.



**JELIUS** bersama Addley di majlis tersebut.

Bengkel yang berlangsung selama sehari itu dikendalikan oleh dua orang penceramah jemputan dalam penghasilan skrip iaitu Asmiran Karavesva, penghasil skrip bebas, dan Addley Bromeo Bianus, pensyarah dari Fakulti

Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS.

Program dirasmikan oleh Pemimpin Kemajuan Rakyat Tandek Jelis Radani mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri Tandek Datuk Anita Baranting, Dalam ucapannya, Jelius

berkata penulisan skrip tidak harus terbatas dalam disiplin dan hipotesis tetapi dilihat sebagai menifestasi dan mengetengahkan fizikal seni yang mengangkat martabat budaya, tradisi dan variasi majmuknya etnik dalam pembawaan adat.

Menurut beliau, perkara yang baik dalam objektif bengkel secara keseluruhannya bukan sahaja satu proses memperkasakan seni melalui ketajaman minda tetapi juga menjadi sumber pendapatan.

Seramai 70 orang pelajar aliran kesuasasteraan dari tingkatan 5 dan 6 atas telah menyertai bengkel ini.

Menurut pengarah program Mohd Faizam Hakim Binses, respon yang positif diterima dari kalangan guru dan pelajar yang mengharapakan bengkel itu dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam mendedahkan para pelajar dan masyarakat setempat mengenai industri perfileman bagi meningkatkan lagi mutu penghasilan skrip filem di Malaysia. - **Artikel sumbangan ROZELIEANNA JUBILI**



**SISWA** dan siswi UMS bersama pelajar SMK Tandek.